



***“Peranan Juruaudit Dalam Menjayakan
Matlamat Pembangunan Lestari Negara”***



ISI KANDUNGAN

<u>PERKARA</u>	<u>MUKA SURAT</u>
1.0 PENDAHULUAN	1
2.0 PERSIDANGAN JURUAUDIT SEKTOR AWAM TAHUN 2016 PADA 22 – 23 OGOS 2016	
2.1 Ucapan Aluan Ketua Audit Negara	2
2.2 Pelancaran Pelan/Garis Panduan/Buku Pengauditan	4
2.3 Pembentangan dan Perbincangan Panel	4
2.3.1 Sesi I: Pembentangan Mengenai Matlamat Pembangunan Lestari	4
2.3.2 Sesi II: Perbincangan Panel I – Kaedah Penilaian Pengurusan Kewangan Di Unit Audit Dalam	5
2.3.3 Sesi III: Pembentangan Mengenai Perubahan Iklim – Isu dan Cabaran	8
2.3.4 Sesi IV: Perbincangan Panel II – Keberkesanan Indeks Akauntabiliti	10
2.3.5 Sesi V: Perbincangan Panel III – Isu Dan Cabaran Dalam Pelaksanaan ISSAI	13
2.4 Rumusan Persidangan dan Penutup	18
3.0 HARI AUDIT 1MALAYSIA 2016 PADA 22 OGOS 2016	
3.1 Ucapan Perasmian Ketua Menteri Melaka	22
3.2 Penyampaian Sijil Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2015	24



<u>PERKARA</u>	<u>MUKA SURAT</u>
4.0 PROGRAM KEMASYARAKATAN PADA 23 OGOS 2016	29
5.0 MAJLIS MAKAN MALAM BERSAMA KETUA AUDIT NEGARA PADA 22 OGOS 2016	31
6.0 MAJLIS MAKAN MALAM ANJURAN KERAJAAN NEGERI MELAKA PADA 22 OGOS 2016	32

LAMPIRAN A

TEKS KATA ALUAN YBHG. TAN SRI HAJI AMBRIN BIN BUANG,
KETUA AUDIT NEGARA

LAMPIRAN B

TEKS UCAPAN YAB DATUK SERI IR. HJ. IDRIS BIN HJ. HARON,
KETUA MENTERI MELAKA

LAMPIRAN C

SLAID-SLAID PEMBENTANGAN



1.0 PENDAHULUAN

Sambutan Hari Audit 1Malaysia telah diadakan bermula 22 Ogos dan 23 Ogos 2016 di *Grand Ballroom, Melaka International Trade Convention (MITC)*, Melaka. Sempena meraikan Hari Audit 1Malaysia, Jabatan Audit Negara telah merancang dan mengatur beberapa program iaitu Persidangan Juruaudit Sektor Awam dan Program Kemasyarakatan. Seramai 1000 orang jemputan yang hadir semasa sambutan Hari Audit 1Malaysia terdiri daripada tetamu kehormat Kerajaan Negeri Melaka, penerima anugerah sijil kecemerlangan pengurusan kewangan, tetamu jemputan serta warga Jabatan Audit Negara. Majlis dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Ir. Haji Idris Bin Haji Haron, Ketua Menteri Melaka.

Hari Audit 1Malaysia yang berlangsung pada 22 Ogos 2016 merupakan acara tahunan yang disambut oleh Jabatan Audit Negara bertujuan meningkatkan kesedaran awam berhubung kepentingan peranan dan fungsi Jabatan Audit Negara dalam memperkukuhkan akauntabiliti dan integriti pengurusan serta tadbir urus wang awam. Sambutan ini juga diadakan bertujuan mengiktiraf usaha dan komitmen Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan di peringkat negeri yang berjaya mendapat pengiktirafan lima bintang bagi pengurusan kewangan tahun 2015. Tema yang dipilih iaitu **“Peranan Juruaudit Dalam Menjayakan Matlamat Pembangunan Lestari Negara”** adalah seiring dengan peranan yang seharusnya dimainkan oleh setiap juruaudit iaitu memantapkan profesionalisme dalam melaksanakan kerja pengauditan di persekitaran yang serba mencabar serta peningkatan ekspektasi *stakeholders* dan orang awam.

Persidangan Juruaudit Sektor Awam yang diadakan pada 22 dan 23 Ogos 2016 juga merupakan platform kepada juruaudit sektor awam untuk bertukar dan berkongsi maklumat, pengetahuan dan pengalaman berkaitan perkembangan pengauditan sektor awam, isu-isu dan cabaran semasa yang berkaitan.

Program Kemasyarakatan pula telah diadakan pada 23 Ogos 2016 di Rimbunan Kaseh, Serkam, Jasin, Melaka. Objektif program adalah untuk memasyarakatkan perkhidmatan awam amnya dan mengeratkan silaturrahim antara pegawai dan kakitangan Jabatan Audit Negara dengan penduduk setempat.

2.0 PERSIDANGAN JURUAUDIT SEKTOR AWAM TAHUN 2016 PADA 22 – 23 OGOS 2016

2.1 Ucapan Aluan Ketua Audit Negara



Persidangan Juruaudit Sektor Awam dimulakan dengan ucapan aluan daripada YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara. YBhg. Tan Sri memaklumkan kepada hadirin bahawa Hari Audit 1Malaysia adalah satu acara tahunan yang penting kepada semua juruaudit sektor awam sama ada yang bertugas di Jabatan Audit Negara ataupun Bahagian/Unit Audit Dalam di kementerian, jabatan dan agensi. Persidangan kali ini merupakan persidangan bersejarah bagi sebahagian pegawai audit kerana juruaudit tersebut akan meninggalkan profesion juruaudit dan diganti dengan pegawai baru. Selain itu, persidangan ini juga penting bagi juruaudit membincangkan secara pasukan berkaitan dengan profesion juruaudit dimana persidangan ini merupakan pentas



untuk menimba ilmu kepada pegawai muda untuk mendapatkan ilmu dan panduan daripada pegawai senior.

YBhg. Tan Sri juga berharap juruaudit sektor awam menggunakan kesempatan di persidangan ini sebagai sesuatu yang berprogresif supaya dapat menilai sama ada juruaudit telah menjalankan atau memperbaiki kerja dengan baik dalam menjalankan tugas harian. Di samping itu, ia berkait rapat dengan pelaksanaan kelestarian Negara yang telah diisytiharkan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu (SDG). Pelaksanaan SDG juga berkait rapat dengan peranan juruaudit dalam memantau atau mengaudit projek yang berkaitan dengan SDG yang telah dilaksanakan terutama dalam Rancangan Malaysia ke-11 dan 12. Oleh itu, persidangan ini dapat memberi maklumat sebanyak mungkin kepada semua juruaudit sektor awam.

Selain itu, YBhg. Tan Sri memaklumkan Jabatan Audit Negara (JAN) telah menubuhkan Jawatankuasa *Subject Matter Expert* (SME) sebagai sumber rujukan kepada juruaudit sektor awam sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai SDG kerana ia merupakan cabaran baru kepada juruaudit untuk memberi pendapat yang *independent* terhadap SDG yang telah dilaksanakan di Malaysia. Oleh itu, Unit Audit Dalam (UAD) juga digalakkan bekerjasama dengan JAN supaya kerja dapat diselaraskan dengan lebih baik dan dapat digunakan sebagai *lesson learn* terhadap masalah/perkara yang telah berlaku. Antara masalah yang berlaku adalah peranan juruaudit telah dipersoal di Kementerian Belia dan Sukan (KBS) kerana tidak dapat mengesan unsur salah guna kuasa di KBS. Masyarakat dimaklumkan perkara tersebut telah lama berlaku dan JAN sedar atas isu tersebut tetapi malangnya tindakan susulan tidak diambil oleh pihak Kementerian. Di samping itu, YBhg. Tan Sri juga berharap UAD dan JAN dapat bekerjasama rapat untuk menjalankan tugas masing-masing dengan lebih berkesan supaya dapat membanteras gejala-gejala negatif dan sekaligus dapat melaksanakan pembangunan lestari Negara.

Akhir kata, YBhg. Tan Sri mengucapkan terima kasih kepada urusetia dan jawatankuasa persidangan kerana telah bekerja keras dalam merancang dan melaksanakan Persidangan yang bermakna ini supaya juruaudit sektor awam dapat

menimba ilmu, pengetahuan dan semangat yang baru dalam menjalankan tugas pengauditan.

2.2 Pelancaran Pelan Strategik/Garis Panduan/Buku Pengauditan

Semasa persidangan ini juga, YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara telah merasmikan pelancaran seperti berikut:

- Pelan Strategik Teknologi Maklumat Jabatan Audit Negara 2016 – 2020;
- Garis Panduan Penguditan Loji Rawatan Kumbahan;
- Buku Susulan Audit Menurut Perspektif Jabatan Audit Negara Malaysia;
- Buku Perolehan Sektor Awam: Isu-Isu Audit; dan
- *Audit Glossary Handbook*.

2.3 Pembentangan Dan Perbincangan Panel

2.3.1 Sesi I: Pembentangan Mengenai Matlamat Pembangunan Lestari

Pembentang:

Tn. Hj. Khalid Khan Abdullah Khan
Pengarah
Jabatan Audit Negara Negeri Sarawak



Tn. Hj. Khalid telah membentangkan dan menekankan aspek penting mengenai matlamat pembangunan lestari (SDG) seperti berikut:

- Konsep pembangunan lestari adalah pembangunan ekonomi masakini yang tidak akan menjejaskan sumber pada masa hadapan. Ia juga melibatkan integrasi antara objektif sosial, alam sekitar dan ekonomi.
- Pembangunan SDG bukanlah merupakan keputusan yang *abrupt*. Ia melalui proses yang progresif bermula daripada *Millenium Development Goals* (MDGs),

Impact Report yang disediakan semasa penilaian MDGs telah membawa kepada *Open Group of UN* dan seterusnya kepada SDGs.

- Menurut wakil UN semasa CAPAM, target dan indikator untuk SDGs masih belum jelas. Hanya 40% daripada 245 *goal* yang boleh dimuktamadkan.
- 5 elemen yang ditekankan dalam SDG adalah *people, planet, prosperity, peace* dan *partnership*.
- Peranan Kerajaan adalah untuk mempromosikan SDG melalui penyediaan polisi dan penyelarasan, memberi kerjasama dan komitmen serta membangunkan strategi untuk pelan tindakan.
- Peranan juruaudit adalah untuk menyumbang kepada pemantauan yang efisien dan menyemak bagaimana/siapa/apa sumber yang digunakan.

2.3.2 Sesi II: Perbincangan Panel 1 – Kaedah Penilaian Pengurusan Kewangan Di Unit Audit Dalam

Pemudahcara:

Puan Wee Swee Geok
Ketua Unit
Bahagian Strategi Korporat & Komunikasi
Kementerian Kewangan



Ahli Panel:



YBhg. Datuk Mariam
Kholidah Zulkifli
Setiausaha Bahagian
(Audit Dalam),
Jabatan Perdana Menteri



Pn. Hajah Zainun Taib
Setiausaha Bahagian
(Audit Dalam),
Kementerian Pendidikan
Malaysia



En. Johari Ismail
Ketua Audit Dalam
Kementerian Dalam Negeri



Dalam perbincangan pertama bersama ahli panel, pemudahcara telah memperkenalkan ahli panel dan menerangkan secara ringkas tajuk perbincangan berkenaan dengan kaedah penilaian pengurusan kewangan di Unit Audit Dalam (UAD).

YBhg. Datuk Mariam telah menerangkan perkara seperti berikut:

- Perjawatan dan jenis pengauditan yang dilaksanakan oleh UAD;
- Penumpuan pengauditan pengurusan kewangan adalah antara 23% hingga 70% daripada Rancangan Audit Tahunan;
- Terdapat 7 daripada 12 UAD telah menetapkan wajaran dalam penilaian pengurusan kewangan manakala 5 UAD tidak menetapkan wajaran seperti yang dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara (JAN);
- Setiap Kementerian/Jabatan/Agensi mempunyai sistem penilaian pemarkahan masing-masing seperti Sistem Nilai Audit Penampilan (ezSNAP) di Jabatan Perdana Menteri, Sistem Pengauditan Indeks Akauntabiliti (SPIA) di Jabatan Perkhidmatan Awam, Sistem MyAudit di Perbendaharaan Malaysia dan SUK Perak dan sebagainya.
- Objektif penggunaan sistem ezSNAP adalah untuk membantu perancangan pengauditan dengan lebih baik, fokus terhadap kelemahan kawalan dalaman Audit, menilai prestasi Auditi berdasarkan markah *Self Assessment*, analisis pematuhan yang komprehensif dan meminimumkan proses kerja.
- Berdasarkan hasil pemarkahan sistem tersebut, juruaudit akan memilih jabatan/agensi bagi markah yang mendapat 100%, terlalu rendah atau markah yang ragu-ragu untuk diaudit dan membuat analisis perbandingan varians bagi tempoh 5 tahun.
- Antara impak/*outcome* terhadap penggunaan sistem tersebut adalah untuk menetapkan dan menilai Key Performance Indicator (KPI) Ketua Jabatan dan sekaligus dapat mengalakkan persaingan antara jabatan.



Pn. Hajah Zainun telah menerangkan isu dan cabaran di UAD seperti berikut:

- Perjawatan yang tidak mencukupi dan tidak diisi akan menyebabkan pemansuhan jawatan oleh JPA.
- Tiada badan yang mengawal dan menguruskan pelan pembangunan *career path* bagi pegawai UAD.
- UAD tidak mempunyai pakar rujuk kerana tidak berpeluang menghadiri kursus dan konferen yang berkaitan dengan kepakaran dan pengalaman.
- Garis panduan dan standard pengauditan yang masih belum dikemaskini mengikut keperluan semasa seperti ISSAI.
- Peruntukan yang terhad dan bilangan pusat tanggungjawab (PTJ) yang banyak menyebabkan pengauditan terpaksa dikurangkan selaras dengan peruntukan yang diterima.
- Antara cara untuk menangani isu dan cabaran di UAD adalah dengan memastikan perjawatan yang mencukupi, memberi peluang kepada pegawai UAD untuk mengikuti kursus dan konferen/seminar yang berkaitan untuk membangunkan kepakaran dan pengalaman, menyediakan dan membangunkan strategi dan pelan tindakan dalam melaksanakan kaedah pengurusan penilaian pengurusan kewangan yang berkualiti.

En. Johari telah menerangkan isu dan cabaran serta kaedah mengatasinya di UAD adalah dengan memberi penekanan kepada perkara seperti berikut:

- Pemberian markah setiap wajaran bagi pengauditan pengurusan kewangan lebih kepada pertimbangan juruaudit;
- Walaupun kaedah penilaian pengurusan kewangan sentiasa dikemaskini mengikut keperluan semasa, UAD tidak boleh menghalang daripada penyelewengan berlaku.

- Cara pengauditan boleh ditambahbaik dengan memberi fokus kepada *Risk-Based Audit* semasa pengauditan dijalankan berbanding fokus kepada menjawab soal selidik yang disediakan;
- Penubuhan Pejabat Ketua Audit Dalam yang di anggotai oleh pegawai audit yang telah bersara supaya dapat merancang dan membincangkan perjawatan dan pembangunan *career path* pegawai UAD, menyelaraskan garis panduan dan standards pengauditan dan sebagainya.

2.3.3 Sesi III: Pembentangan Mengenai Perubahan Iklim – Isu dan Cabaran


Pembentang:

YBrs. Dr Lee Khai Ern

Pensyarah Kanan dan Felo Penyelidik

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan

(LESTARI)



YBrs. Dr Lee Khai Ern menerangkan ceramah beliau berkenaan kepada isu dan cabaran terhadap perubahan iklim. Antara perkara penting yang telah ditekankan oleh penceramah adalah seperti berikut:

- Perubahan iklim merupakan keadaan yang terlalu panas/terlalu sejuk/terlalu kering pada sesuatu kawasan.
- Pelepasan gas rumah hijau seperti karbon dioksida, metana, nitrus oksida dan gas flourin berkait rapat dengan perubahan iklim.
- Kenaikan suhu yang sebenar bergantung kepada pelepasan gas yang dicapai pada dekad-dekad yang akan datang.
- Malaysia komited untuk menurunkan 40% pelepasan karbon sehingga tahun 2020 berbanding tahun 2005 seperti yang dinyatakan oleh YAB Perdana Menteri di 15th *Conference of the Parties to the UNFCC*.



- Perubahan iklim di Malaysia melibatkan suhu yang meningkat antara 1 – 1.5 darjah celcius, taburan hujan juga meningkat kepada 17% berbanding tahun 1970-an yang menyebabkan banjir di Malaysia dan air laut meningkat antara 4.6 kepada 11.9cm berdasarkan data satelit.
- Kesan daripada perubahan iklim ini adalah keadaan kering, banjir dan hakisan, kehilangan hutan dan biodiversiti, hakisan persisir pantai dan kehilangan habitat dan sebagainya. Secara tidak langsung ia juga memberi impak kepada ekonomi contohnya kerugian yang ditanggung akibat banjir.
- Isu dan cabaran yang dihadapi selain daripada perundangan, *food security*, kewangan dan ekonomi adalah data. Data seperti inventori gas rumah hijau tidak dikumpul untuk kajian terperinci.
- Perubahan iklim berkait dengan SDG 13 iaitu *climate action* – iaitu Malaysia akan menurunkan 40% pelepasan karbon pada tahun 2020.
- Tiga soalan yang dikemukakan adalah berkenaan status semasa Malaysia berkenaan perubahan iklim, negara yang boleh dijadikan *benchmark* dalam penurunan pelepasan karbon dan implikasi perubahan iklim kepada komuniti pesisir pantai. Maklum balas daripada penceramah adalah Malaysia mempunyai kesedaran dalam menangani perubahan iklim tetapi tindakan perlu datang daripada rakyat. Jepun dan Norway boleh dijadikan contoh dalam mencapai
- komitmen Malaysia pada tahun 2020 dan implikasi hakisan di pesisiran pantai antaranya ladang kelapa sawit terjejas apabila air laut telah menyebabkan pH berubah dan penempatan nelayan juga terjejas kerana kawasan daratan semakin menghakis.

2.3.4 Sesi IV: Perbincangan Panel II – Keberkesanan Indeks Akauntabiliti

Pemudahcara:

YBhg. Dato' Hj. Che Isa Che Kob
Pengarah Sektor Audit Kerajaan Negeri



Ahli Panel:



YBhg. Datuk Juhari Haron
Pengarah Audit
Bahagian Susulan Audit



Tn. Hj. Abdul Rashid Yaakub
Pengarah Sektor Audit
Kerajaan Persekutuan



YBhg. Datin Paduka Ang Nai Har
Pengarah Jabatan Audit Negara
Negeri Selangor

Sesi perbincangan kedua bersama panel, YBhg. Dato' Hj. Che Isa Che Kob sebagai pemudahcara telah memperkenalkan ahli panel kepada peserta dan menerangkan secara ringkas tajuk perbincangan iaitu Keberkesanan Indeks Akauntabiliti (AI).

YBhg. Datuk Juhari telah menekankan beberapa isu dalam pengauditan pengurusan kewangan (Indeks Akauntabiliti) seperti berikut:

- Prinsip umum dalam pengauditan iaitu etika & kebebasan, pertimbangan profesional, kawalan kualiti, pasukan Audit & kemahiran, risiko audit, materialiti, dokumentasi dan komunikasi.
- Kriteria AI yang bercanggah antara satu sama lain akan memberi kesan kepada markah wajar dalam penilaian pengurusan kewangan.
- Oleh itu, prosedur pengauditan AI boleh ditambah baik dan dikemaskini dengan memberi fokus kepada tahap risiko kawalan bagi setiap Kementerian/Agensi/Jabatan, *fundamental criteria*, menambahbaik wajar dan pemarkahan, memasukkan objektif audit bagi setiap indikator, komunikasi dan penyelarasan.



En. Rashid juga memaklumkan keberkesanan pengauditan pengurusan kewangan (AI) seperti berikut:

- Terdapat peningkatan peratusan pemarkahan AI bagi Kementerian/Agensi/Jabatan setiap tahun. Ini bermakna Ketua Jabatan telah mengambil serius perkara/isu yang telah ditegur oleh Audit.
- Pengauditan AI juga merupakan pengauditan yang objektif dan markah yang diberikan adalah berdasarkan sampel yang diaudit.
- Pengauditan AI telah bermula sejak tahun 2007 dan prosedur pengauditan AI sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa sehingga ke hari ini.
- Kriteria pengauditan akan dinilai semula di mana terdapat penambahan dan pengurangan kriteria AI dalam kertas kerja setiap tahun.
- Wajaran pemarkahan pengauditan AI juga akan dicadangkan untuk ditambahbaik seperti memberi markah maksimum 90% – 95% berdasarkan kertas kerja pengauditan AI, manakala 5% - 10% berdasarkan markah ihsan di mana bergantung kepada pertimbangan juruaudit terhadap isu dan keadaan semasa serta markah keseluruhan akan dipotong. Selain itu, wajaran setiap kawalan juga diberi fokus kepada tahap risiko masing-masing.

YBhg. Datin Paduka Ang Nai Har juga menerangkan prestasi keberkesanan pengauditan pengurusan kewangan (AI) seperti berikut:

- Tahap prestasi pengauditan AI telah meningkat sebanyak 85.7% dan hanya 14.3% sahaja yang menurun berdasarkan bilangan yang telah diaudit lebih dari sekali.
- Berdasarkan maklumbalas agensi, pengauditan AI memberi kesan yang positif dan memberi kesedaran (*awareness*) mengenai kepentingan tahap pengurusan kewangan agensi sekaligus telah meningkatkan akauntabiliti auditi ke arah pengurusan kewangan yang efisien.



- Antara cadangan dalam menambahbaik AI adalah prosedur dan kertas kerja AI perlu dibuat secara holistik dan fokus kepada tahap risiko serta menggunakan Sistem *Self-Assessment Auditing* yang dilaksanakan oleh UAD.

YBhg. Dato' Che Isa kemudiannya merumuskan hasil perbincangan ketiga-tiga panel mendapati perkara berikut:

- Ketiga-tiga panel bersetuju pengauditan AI memberi kesan yang positif kepada pengurusan kewangan Kementerian/agensi.
- Terdapat perkara yang perlu dibetulkan dan ditambahbaik terutama memberi tumpuan terhadap tahap risiko sesuatu kawalan bagi setiap Kementerian/agensi.
- Selain itu, kriteria atau pendekatan lain perlu diambil kira supaya dapat memastikan tahap kualiti atau keputusan 5 bintang yang telah diberikan kepada Kementerian/agensi tidak dipertikaikan oleh pihak lain.

Perbincangan tersebut diteruskan dengan sesi soal jawab bersama peserta dan ahli panel. Antara soalan dan cadangan yang diajukan adalah seperti berikut:

- Sistem pemarkahan bagi pengauditan pengurusan kewangan (AI) diwajibkan kepada 90% berdasarkan hasil pengauditan yang dibuat oleh Jabatan Audit Negara (JAN) dan 10% berdasarkan hasil pengauditan Unit Audit Dalam (UAD).
- Dicadangkan JAN menggunakan sistem *Self-Assessment Auditing* yang telah digunakan oleh UAD.
- Penambahbaikan pengauditan AI dengan mengambil kira *fraud assessment* dan membuat analisis terhadap kawalan dalam setiap Kementerian/Agensi.
- Menjalankan tindakan susulan terhadap isu yang telah dibangkitkan bagi pengauditan pengurusan kewangan (AI).
- Laporan Ketua Audit Negara terhadap pengauditan pengurusan kewangan (AI) lebih menekankan bintang yang dicapai oleh sesebuah agensi. Oleh itu, dicadangkan melaporkan juga isu yang signifikan dan material.

- Kriteria pengauditan pengurusan kewangan (AI) seperti SAGA *compliance* menyebabkan agensi gagal mendapat lima bintang. Oleh itu, dicadangkan kriteria AI perlu dimurnikan dan ditambahbaikkan.
- Berdasarkan soalan dan cadangan yang diajukan, pihak panel bersetuju untuk menambahbaik kriteria dan wajaran pemarkahan pengauditan pengurusan kewangan (AI) serta satu perbincangan khas akan diadakan bagi mendapatkan komen dan maklum balas daripada juruaudit terhadap isu tersebut.

2.3.5 Sesi V: Perbincangan Panel III – Isu Dan Cabaran Dalam Pelaksanaan ISSAI

Pemudahcara:

En. Zaaba Zainuddin

Pengarah

Jabatan Audit Negara Negeri Sabah



Ahli Panel:



En. Lim Chin Teong
Timbalan Pengarah Audit
(Kewangan)
Sektor Audit Badan
Berkanun Persekutuan



En. Saharuddin Mahamud
Pengarah Jabatan Audit
Negara Negeri Perak



Pn. Yusnani Zakaria
Timbalan Pengarah Audit
(Jabatan Perdana Menteri)
Sektor Audit Kerajaan
Persekutuan



Sesi perbincangan ketiga bersama panel, En. Zaaba Zainuddin sebagai pemudahcara telah memperkenalkan ahli panel kepada peserta dan menerangkan secara ringkas tajuk perbincangan iaitu Isu dan Cabaran Dalam Pelaksanaan ISSAI. Kebanyakan garis panduan adalah berasaskan ISSAI seperti yang telah dilancarkan untuk pengauditan penyata kewangan, prestasi dan juga pematuhan. Selain itu juga, garis panduan perolehan juga adalah berasaskan ISSAI. Beliau juga memaklumkan *Malaysia Private Entities Reporting Standard (MPERS)* akan diguna pakai oleh semua badan berkanun yang terlibat.

En. Lim Chin Teong menerangkan secara ringkas berkenaan ISSAI dalam penyata kewangan dan sejauh mana usaha yang telah dilakukan oleh Jabatan terhadap pelaksanaannya.

- Terdapat 38 standard ISSAI yang berkaitan dengan penyata kewangan dan iCATS (ISSAI Compliance Assessment Tools) telah digunakan untuk menilai dan mengukur tahap pematuhan ISSAI. iCATS ini melibatkan 4 tahap iaitu *founding principles* (Level 1), *prerequisite for the functioning of SAIs* (Level 2), *fundamental auditing principles* (Level 3) dan *auditing guidelines* (Level 4).
- Empat elemen dalam iCATs adalah *pre-engagement*, perancangan, pelaksanaan dan pelaporan dengan kriteria yang digunakan sebagai pengukuran adalah *met*, *partially met*, *not met* dan *not applicable*.
- JAN telah mematuhi 481 kriteria daripada 531 kriteria yang ditetapkan, 8 kriteria *partially met*, 2 kriteria yang *not met* dan 40 kriteria adalah *not applicable*.
- *Peer review* oleh National Audit Office United Kingdom (NAO UK) telah dilaksanakan bagi mendapatkan pandangan berkenaan pematuhan terhadap INTOSAI *Mexico Declaration on Supreme Audit Institution Independence* dan menilai pematuhan terhadap ISSAI serta kualiti kerja pengauditan yang dilaksanakan.
- Penemuan *peer review* adalah daripada aspek kawalan kualiti - penekanan *hot review* dan penubuhan *dedicated central technical team* untuk memberi pandangan bebas, *pre-engagement* – mewujudkan *declaration of independence*



dan *letter of engagement*, penilaian risiko – mengambilkira penilaian risiko secara keseluruhan dan juga diperingkat *preliminary meeting*, *audit testing plan* – perancangan bagi ujian audit di peringkat baki akaun dan didokumenkan dalam satu *template*, *high level control* – kawalan dalam proses penyediaan belanjawan dan *sampling* – menggunakan khidmat pakar statistik dalam menentukan kecukupan dan keberkesanan kaedah persampelan.

- Secara keseluruhan, semakan secara komprehensif telah dilaksanakan untuk memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap ISSAI. Program kesedaran dan latihan akan diteruskan bagi memastikan juruaudit adalah kompeten dan berpengetahuan dalam ISSAI. Perkongsian pengetahuan, pengalaman dan isu dengan SAI lain serta firma audit swasta akan dibincangkan dari semasa ke semasa.

En. Saharuddin Mahamud memaklumkan tentang ISSAI yang mula diperkenalkan di JAN pada tahun 2012 dan Malaysia ISSAI (MISSAI) telah dilancarkan di Hari Audit 1Malaysia Kuching, Sarawak. Seterusnya beliau meneruskan perkembangan ISSAI di JAN secara ringkas.

- INTOSAI *Framework of Professional Standards* (IFPS) mempunyai 93 *pronouncements* dan melebihi 3100 muka surat dan mempunyai 13 kategori.
- ISSAI mempunyai 4 tahap iaitu tahap pertama hingga tiga adalah standard manakala tahap empat adalah garis panduan. Tahap 1 – *founding principle*, Tahap 2 – *prerequisite for the functioning of SAIs*, Tahap 3 – *Fundamental auditing principles* dan tahap 4 – *auditing guidelines*.
- Isu utama yang dihadapi oleh JAN dalam pelaksanaan ISSAI adalah sama ada JAN boleh mendapatkan pencapaian penuh dalam hal ini. Adalah perlu bagi JAN untuk melihat keperluan ISSAI seiring dengan pra syarat dan undang-undang nasional. Ini adalah perlu bagi menyesuaikan keperluan ISSAI dan juga keperluan nasional sektor awam di Malaysia dengan mengenal pasti jurang antara ISSAI dan keadaan semasa pengauditan JAN. JAN juga perlu membangunkan *roadmap* bagi pelaksanaan ISSAI.



- Pelan tindakan ISSAI adalah melibatkan mandat dikaji semula, garis panduan dikemaskini, prestasi jabatan ditingkatkan (capacity building), pelan transformasi JAN dilaksanakan dan *peer reviews*.
- JAN telah mencapai 90.58% pematuhan pengauditan kewangan *level* 4 pada tahun 2015 selepas menambahbaik garis panduan pengauditan penyata kewangan berasaskan ISSAI.
- Pematuhan sepenuhnya kepada ISSAI menuntut penglibatan dan penyertaan menyeluruh serta komitmen yang tinggi daripada semua peringkat juruaudit.
- Pengemaskinian garis panduan serta kompetensi juruaudit. Pengemaskinian garis panduan audit serta kompetensi juruaudit melalui program latihan dan peperiksaan jabatan/profesional secara berterusan perlu dibuat dalam memastikan pelaksanaan ISSAI di JAN.

Pn. Yusnani Zakaria memberi penerangan berkenaan dengan pelaksanaan ISSAI dalam pengauditan prestasi.

- Pelaksanaan ISSAI pengauditan prestasi mengambil kira pematuhan terhadap ISSAI 300.
- Isu dan cabaran diperoleh daripada pasukan audit prestasi, timbalan pengarah, jawatankuasa semakan JAN dan ahli pasukan iCATS.
- Pematuhan ISSAI ini di JAN adalah 71% dan masih perlu ditambah baik.
- Isu dan cabaran yang dikenalpasti adalah berkenaan pemilihan topik. Dilema pemilihan topik antara risiko/masalah dan pengurusan nilai projek RM100 juta, menambah baik proses supaya lebih sistematik dan berasaskan teknik lebih formal (analisis risiko/penilaian masalah) dan penyediaan matriks pemilihan tidak disokong dengan bukti dokumen.
- Memorandum Perancangan Audit (MPA) yang tidak terperinci atas faktor kekangan masa, diambil secara terus dan guna (cut and paste), tidak digunakan



sebagai rujukan semasa pelaksanaan audit dan prosedur yang dilaksanakan adalah lebih.

- Cabaran dalam menentukan kriteria audit adalah ianya tidak dibincang secara terperinci dengan auditi, tiada kaedah terbaik untuk bincang dengan auditi, keperluan kriteria audit untuk didokumenkan, dilema sama ada auditi perlu bersetuju dan ia akan mengambil masa semasa penyediaannya.
- Polisi dan prosedur berkenaan kawalan kualiti masih perlu di tambah baik bagi memastikan ia lengkap meliputi seluruh proses audit, ISSAI 3000, 3100, 3200 masih dalam draf pendedahan dan belum wujud pemantauan pihak bebas dalam proses pengauditan di JAN.
- Kemahiran juga merupakan cabaran dalam pelaksanaan ISSAI dimana dalam setahun tidak banyak kursus Audit Prestasi yang dapat diadakan dan masih ada ahli pasukan belum mendapat latihan khususnya modul pertengahan yang lebih terperinci. Ini adalah penting kerana juruaudit perlu meningkatkan kemahiran mereka daripada semasa ke semasa. Latihan dalam meningkat kemahiran juruaudit menjadi cabaran utama kepada Akademi Audit Negara (AAN).
- Cabaran dalam mendapatkan syor audit seperti dalam pelaksanaan ISSAI adalah kerana juruaudit memberikan syor yang terlalu umum dan tidak merujuk kepada sebab berlakunya sesuatu masalah/ketidak patuhan.
- Inisiatif JAN pada ketika ini adalah melalui peranan *Subject Matter Expert* (SME), Pelan Transformasi Jabatan (PTJ) dan eWorking Paper yang boleh membantu pengkhususan kerja yang lebih fokus, proses dan prosedur kerja yang lebih telus dan jelas merupakan penyelesaian sebahagian daripada masalah berbangkit.

Perbincangan tersebut diteruskan dengan sesi soal jawab bersama peserta dan ahli panel. Antara soalan dan cadangan yang diajukan adalah seperti berikut:

- iCATS adalah satu kaedah pengukuran yang baik, tetapi perlu disokong dengan Quality Assurance Review (QAR) dalam mendapatkan keputusan yang lebih telus.

- Pegawai yang terlibat dalam QAR perlu telus dan *independent* dalam melaksanakan penilaian. Laporan penilaian tersebut perlu menggambarkan status sebenar di JAN.
- Selain itu, pegawai juga tidak boleh terlalu mengikut garis panduan, mereka perlu memahami sebab disebalik keadaan yang berlaku dengan menemubual pegawai yang terlibat dengan proses tersebut.
- Slaid yang dibentangkan adalah baik kerana memberi gambaran pengasingan antara standard dan garis panduan.

2.4 Rumusan Dan Penutup Persidangan



YBhg. Tan Sri KAN melahirkan penghargaannya dan berterima kasih kepada hadirin kerana menjayakan program-program di sepanjang Hari Audit 1Malaysia dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam. Beliau juga memohon maaf atas kekangan masa semasa sesi perbincangan bersama panel di mana peserta dan ahli panel tidak berkesempatan berinteraksi dan mengajukan beberapa soalan semasa perbincangan tersebut. Ini disebabkan rombakan jadual dan masa yang diminta oleh Pejabat Ketua Menteri Melaka serta kekangan dari segi bajet yang menyebabkan persidangan tersebut tidak dapat dilaksanakan selama 2 hari penuh.



Tajuk perbincangan dan pembentangan di Persidangan kali ini merupakan tajuk yang penting dan kontemporari terutama tajuk berkenaan Unit Audit Dalam (UAD). Idea dan isu yang dicadangkan juga adalah sesuatu yang radikal dan boleh diketengahkan seperti penubuhan Pejabat Ketua Audit Dalam. Bagaimanapun, penubuhan pejabat tersebut merupakan tanggungjawab Kementerian Kewangan (MOF) dan bukanlah tanggungjawab JAN. Oleh itu, dicadangkan isu dan perkara tersebut boleh diketengahkan dan dibincangkan semasa sesi Town Hall bersama JAN dan MOF supaya dapat mendalami isu tersebut sekaligus penambahbaikan dapat dilaksanakan di UAD. Selain itu, isu untuk memperkasakan UAD juga telah dapat dilaksanakan dengan mengemukakan Laporan Tahunan UAD kepada JAN setiap tahun supaya JAN dapat membuat susulan terhadap isu yang dibangkitkan dan tajuk pengauditan yang dilaksanakan oleh JAN dan UAD tidak bercanggah antara satu sama lain.

YBhg. Tan Sri KAN juga menyarankan agar hubungan antara JAN dan UAD dapat berjalan dengan lebih baik dan erat bagi membincangkan isu-isu berkenaan Kementerian/agensi masing-masing. Bagaimanapun, kesibukan masa semua juruaudit di UAD dan JAN menyebabkan tiada masa yang boleh ditetapkan bagi kedua-dua pihak ini berjumpa dan berbincang isu tersebut. Oleh itu, dicadangkan juruaudit di UAD dan JAN boleh berjumpa dan berbincang secara tidak formal bagi membincangkan isu tersebut.

Topik perbincangan yang diketengahkan oleh En. Johari dari UAD Kementerian Dalam Negeri adalah sangat radikal dan perlu dibuat secara holistik terutama dari segi perundangan. Oleh itu, perkara tersebut boleh dibincangkan di peringkat *Town Hall* antara JAN, MOF dan UAD. Dasar pusingan tugas (job rotation) bagi UAD ada dilaksanakan oleh JAN tetapi penambahan jawatan di UAD adalah luar bidang kuasa KAN. Pihak JAN boleh mengisi jawatan pengkaderan di Kementerian/agensi/jabatan sekiranya terdapat permohonan daripada Ketua Jabatan masing-masing bagi memastikan kualiti kerja dan peranan UAD. Bagaimanapun, aspek latihan, bajet dan pembangunan profesion UAD adalah tanggungjawab Kementerian/agensi/jabatan masing-masing. Oleh itu, dicadangkan Ketua Audit Dalam dan barisan pengurusan atasan di UAD memainkan peranan

yang penting dalam melaksanakan *coaching* dan latihan yang berterusan (*continuous training*) bagi mengatasi masalah di UAD terutama bagi pegawai baru.

Selain itu, tajuk yang dibincangkan oleh Dr Lee berkenaan perubahan iklim juga dapat memberi kefahaman dan persediaan kepada juruaudit sektor awam. Isu pengauditan AI juga merupakan isu yang panas semasa persidangan berlangsung. YBhg. Tan Sri KAN juga memaklumkan pengauditan pengurusan kewangan (AI) merupakan wajah audit sebenar kerana telah mendapat penghargaan daripada

Kerajaan Malaysia di mana pihak JAN dapat memberi maklum balas terhadap pengurusan kewangan Kementerian/agensi/jabatan secara objektif. Selain itu, beliau juga memaklumkan JAN tidak bertanggungjawab melaporkan fraud yang berlaku tetapi pegawai JAN boleh mengambil inisiatif sendiri untuk melaporkan terus kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sekiranya mempunyai bukti yang mencukupi.

Akhir sekali YBhg. Tan Sri KAN menutup sesi persidangan Juruaudit Sektor Awam dan mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada semua yang hadir dan juga urus setia persidangan.

(Teks ucapan adalah seperti di **Lampiran A**)

Berikut adalah gambar-gambar di sekitar Persidangan Juruaudit Sektor Awam.





3.0 HARI AUDIT 1MALAYSIA 2016 PADA 22 OGOS 2016

3.1 Perasmian Ketua Menteri Melaka



Dalam ucapan perasmianya, YAB Datuk Seri Ir. Haji Idris Bin Haji Haron, Ketua Menteri Melaka mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Audit Negara (JAN) dan berbesar hati kerana negeri Melaka telah dipilih buat kali keduanya sebagai lokasi sambutan Hari Audit 1Malaysia dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2016. Beliau juga mengucapkan syabas dan terima kasih kepada semua atas inisiatif dan kreativiti untuk mengecat surau dan membersihkan kawasan di Taman Rimbunan Kaseh, Serkam. Aktiviti ini dapat memberi peluang kepada peserta bergaul dengan penduduk setempat dan belajar sesuatu yang amat bernilai melalui pengalaman hidup penduduk di situ.

YAB Datuk Seri juga memaklumkan Tema hari Audit tahun ini adalah tepat dan sesuai dengan profesion juruaudit dan merupakan tunjang utama dalam memastikan laporan yang terhasil adalah berkualiti, berintegriti serta tidak dipengaruhi mana-mana pihak. Bagi pihak Kerajaan negeri Melaka, peranan JAN dalam menentukan akauntabiliti awam amat dihargai kerana manfaatnya bukan sahaja dalam memantapkan pengurusan wang awam tetapi juga membantu perancangan dan pelaksanaan projek serta program pembangunan.



Beliau juga memaklumkan ekspektasi dan harapan rakyat semakin meningkat bukan sahaja pada penyampaian perkhidmatan yang baik serta pembangunan fizikal tetapi termasuk aspek akauntabiliti dan tadbir urus di pihak Kerajaan dan juga penjawat awam. Peraturan dan pekeliling Kerajaan yang ditetapkan berperanan sebagai satu alat untuk memastikan setiap prosedur yang melibatkan kewangan dilaksanakan dengan baik dan berkesan. Sistem kewangan yang efisien dapat mengurangkan pembaziran dan perbelanjaan Kerajaan dapat digunakan dengan berhemat sekali gus dapat memenuhi kesejahteraan rakyat. Oleh itu, peranan JAN bagi memastikan segala peraturan kewangan dipatuhi oleh semua jabatan dan agensi Kerajaan adalah sangat dialu-alukan.

YAB Datuk Seri mengucapkan tahniah kepada JAN kerana telah menjalankan pengauditan terhadap projek dan program yang telah memberi impak dalam penambahbaikan perancangan dan pelaburan projek dan program terutama di Negeri Melaka. Beliau turut berharap agar pegawai JAN terus menjalankan pengauditan secara objektif dan profesional serta meningkatkan kerjasama dengan Jabatan/Agensi Negeri demi kesejahteraan rakyat dan negara.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada semua penerima Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Indeks Akauntabiliti Tahun 2015 dari seluruh Malaysia khususnya enam Jabatan dan Agensi Negeri Melaka. Pencapaian tersebut merupakan pencapaian yang lebih baik bagi Negeri Melaka dari tahun 2014. Akhir sekali, YAB Datuk Seri mengucapkan syabas dan tahniah kepada JAN serta sekali gus merasmikan sambutan Hari Audit 1Malaysia dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2016.

(Teks ucapan adalah seperti di **Lampiran B**)

3.2 Penyampaian Sijil Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2016

Pada majlis Penyampaian Sijil Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2015 ini, sebanyak 125 Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan di peringkat negeri telah berjaya memperoleh penarafan lima bintang dalam aspek pengurusan kewangan. Berdasarkan pekeliling Ketua Audit Negara Senarai lengkap penerima Sijil Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1

Senarai Penerima Sijil Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan

Bil.	Negeri	Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri
1	Melaka	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
2		Jabatan Kerja Raya Negeri Melaka
3		Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Melaka
4		Mahkamah Syariah Negeri Melaka
5		Majlis Perbandaran Alor Gajah
6		Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Melaka
1	Johor	Majlis Daerah Segamat
2		Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah
3		Majlis Perbandaran Kluang
4		Pejabat Daerah Kluang
5		Pejabat Daerah Pontian
6		Pejabat Tanah Kota Tinggi
1	Kedah	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah
2		Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah
3		Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah
4		Lembaga Zakat Negeri Kedah
5		Majlis Daerah Yan
6		Majlis Perbandaran Sungai Petani



Bil.	Negeri	Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri
1	Kelantan	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
2		Jabatan Air Negeri Kelantan
3		Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan
4		Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan
5		Majlis Daerah Kuala Krai
6		Majlis Daerah Machang
7		Majlis Daerah Pasir Puteh
8		Majlis Daerah Tanah Merah
9		Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan
10		Pejabat Tanah Dan Jajahan Bachok
11		Pejabat Tanah Dan Jajahan Gua Musang
12		Pejabat Tanah Dan Jajahan Pasir Puteh
13		Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan
1	Negeri Sembilan	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
2		Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan
3		Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan
4		Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Sembilan
5		Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan
6		Majlis Daerah Rembau
7		Majlis Perbandaran Nilai
8		Majlis Perbandaran Port Dickson
1	Pahang	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang
2		Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang
3		Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Pahang
4		Jabatan Pertanian Negeri Pahang
5		Majlis Daerah Bera
6		Majlis Daerah Raub
7		Majlis Sukan Pahang
8		Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang
9		Pejabat Daerah Dan Tanah Cameron Highlands
10		Pejabat Daerah Dan Tanah Pekan
11		Pejabat Daerah Dan Tanah Raub
12		Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Pahang
13		Yayasan Pahang



Bil.	Negeri	Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri
1	Perak	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
2		Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Perak Darul Ridzuan
3		Majlis Bandaraya Ipoh
4		Majlis Daerah Kampar
5		Majlis Perbandaran Manjung
6		Majlis Perbandaran Teluk Intan
7		Pejabat Daerah Dan Tanah Pengkalan Hulu Negeri Perak
8		Pejabat Daerah Dan Tanah Larut, Matang Dan Selama
9		Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
10		Perbadanan Kemajuan Negeri Perak
11		Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak
1	Perlis	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
2		Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perlis
3		Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Perlis
4		Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis
1	Pulau Pinang	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
2		Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
3		Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Pulau Pinang
4		Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Pulau Pinang
5		Jabatan Taman Botani Pulau Pinang
6		Majlis Bandaraya Pulau Pinang
7		Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Barat Daya Pulau Pinang
8		Pengarah Tanah Dan Galian Pulau Pinang
9	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang	
1	Sabah	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
2		Kementerian Kewangan Negeri Sabah
3		Jabatan Arkib Negeri Sabah
4		Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
5		Jabatan Pembangunan Perindustrian Dan Penyelidikan Sabah
6		Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah Negeri Sabah
7		Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak Negeri Sabah
8		Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah
9		Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah
10		Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Negeri Sabah



Bil.	Negeri	Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri
11	Sabah	Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah
12		Lembaga Pelancongan Sabah
13		Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah
14		Lembaga Sukan Negeri Sabah
15		Majlis Daerah Beaufort
16		Majlis Daerah Keningau
17		Majlis Daerah Kota Marudu
18		Majlis Daerah Penampang
19		Majlis Daerah Sipitang
20		Majlis Daerah Tambunan
21		Majlis Perbandaran Tawau
22		Pejabat Daerah Kinabatangan
23		Pejabat Daerah Penampang
24		Pejabat Daerah Ranau
25		Perbadanan Pinjaman Sabah
1	Sarawak	Jabatan Ketua Menteri Sarawak
2		Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak
3		Dewan Bandaraya Kuching Utara
4		Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak
5		Lembaga Pelabuhan Miri
6		Lembaga Pelabuhan Rajang
7		Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA)
8		Majlis Bandaraya Kuching Selatan
9		Majlis Bandaraya Miri
10		Majlis Daerah Subis
11		Majlis Islam Sarawak
12		Perbadanan Urusan Kejuruteraan Dan Limbungan Brooke
1	Selangor	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
2		Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam
3		Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor
4		Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Langat
5		Majlis Daerah Sabak Bernam

Bil.	Negeri	Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri
1	Terengganu	Pejabat Daerah Setiu
2		Jabatan Perancang Bandar dan Desa Terengganu
3		Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu
4		Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Terengganu
5		Pejabat Menteri Besar & Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu
6		Pejabat Daerah Besut
7		Pejabat Tanah Dungun
8		Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu

Berikut adalah gambar-gambar di sekitar sambutan Hari Audit 1Malaysia.





4.0 PROGRAM KEMASYARAKATAN PADA 23 OGOS 2016

Program Kemasyarakatan diadakan bertujuan memupuk perpaduan dan kerjasama dengan mengenali budaya kehidupan masyarakat kampung, memupuk semangat perpaduan dan silaturahim antara Warga Audit, penduduk setempat serta warga sekolah serta memperkenalkan dan mengetengahkan semangat tolong menolong dan bergaul di antara warga Kerajaan dengan penduduk.

Program ini telah berlangsung pada 23 Ogos 2016 di Perkampungan Rimbunan Kaseh, Serkam, Jasin dan Sekolah Kebangsaan Serkam Darat dengan kerjasama Pejabat Daerah dan Tanah Jasin serta penglibatan penduduk setempat dan warga sekolah. Program ini dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara. Majlis penutup disempurnakan oleh YB Datuk Zaidi bin Attan, ADUN Serkam. Beberapa aktiviti seperti berikut telah dilaksanakan.

Bil.	Tugasan/Aktiviti
1.	Pembersihan dan pengindahan sudut kreatif/pusat sumber/kantin SK Serkam Darat
2.	Mengecat Surau Rimbunan Kaseh
3.	Sukan Rakyat
4.	Pembersihan Kawasan Perumahan Asnaf

Berikut adalah gambar-gambar di sekitar Program Kemasyarakatan:





5.0 MAJLIS MAKAN MALAM BERSAMA KETUA AUDIT NEGARA PADA 22 OGOS 2016

Majlis Makan Malam Bersama Ketua Audit Negara telah diadakan di Bayou Lagoon Park Resort, Melaka pada 22 Ogos 2016. Majlis ini dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Haji Ambrin Bin Buang, Ketua Audit Negara.

Berikut adalah gambar-gambar di sekitar Majlis Makan Malam Bersama Ketua Audit Negara.





6.0 MAJLIS MAKAN MALAM ANJURAN KERAJAAN NEGERI MELAKA PADA 21 OGOS 2016

Majlis Makan Malam anjuran Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka telah diadakan pada 21 Ogos 2016 di Hotel Hattan, Melaka. Majlis ini dirasmikan YB Datuk Wira Hj. Naim Bin Abu Bakar, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka. Antara Dif-dif Kehormat adalah YB. Datuk Sazali bin Muhd Din@ Muhamad Din, Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Melaka, Exco-exco dan Timbalan Exco. Majlis turut diserikan dengan persembahan kebudayaan oleh Briged Seri Negeri Melaka.

Berikut adalah gambar-gambar di sekitar Majlis Makan Malam anjuran Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka.








Jawatankuasa Pelapor

Pn. Nora Fauzana Bt. Zainal

Cik Aziatul Akmam Bt Atan @ Abdullah

Pn. Ashafirha Bt. Ahmad



JABATAN AUDIT NEGARA, MALAYSIA
No. 15, Aras 1 – 5, Persiaran Perdana, Presint 2, 62518 Putrajaya, Malaysia
Tel : ++603-88899000 | Faks : ++603-8883084
E-mail : jbaudit@audit.gov.my | Website : <http://www.audit.gov.my>